



GARIS PANDUAN PELESENAN TRAK MAKANAN DAN MINUMAN  
*(FOOD TRUCK)* MPPD



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON  
JABATAN PELESENAN  
TINGKAT 2, TERMINAL BAS PORT DICKSON,  
71009 PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
LAMAN WEB: [www.mppd.gov.my](http://www.mppd.gov.my)  
EMEL: [jpl@mppd.gov.my](mailto:jpl@mppd.gov.my)  
NO. TELEFON: 06-6463203/2057/2069**

**GARIS PANDUAN PELESENAN  
TRAK MAKANAN DAN MINUMAN  
*(FOOD TRUCK)* MPPD**

**MPPD-GP(JPL)-07/2024**



## GARIS PANDUAN PELESENAN TRAK MAKANAN DAN MINUMAN (*FOOD TRUCK*) MPPD

### 1. TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah untuk memberikan panduan kepada pemohon / peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan operasi Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) untuk membuat permohonan lesen trak makanan dan minuman (*food truck*) di MPPD.

### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Perniagaan trak makanan dan minuman(*food truck*) menjadi tren di bandar-bandar utama di Malaysia selaras dengan perubahan masa dan gaya hidup masyarakat yang memerlukan perkhidmatan yang efisien, mesra pengguna dan bersih.
- 2.2 Konsep perniagaan trak makanan dan minuman (*food truck*) ini didapati lebih mudah, santai dan cepat dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat moden.

### 3. PUNCA KUASA

Kelulusan yang diberikan ke atas lesen trak makanan dan minuman (*food truck*) ini adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang, dasar-dasar dan garis panduan berikut:

- 3.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976
- 3.2 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976
- 3.3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
- 3.4 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007
- 3.5 Undang-Undang Kecil Penjaja (MDPD) 1982
- 3.6 Undang-Undang Kecil Melesen Tred, Perniagaan, Perindustrian Dan Lain-Lain Profesyen (MDPD) 1983
- 3.7 Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MPPD) 2010
- 3.8 Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MDPD) 1986
- 3.9 Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (MDPD) Kerajaan Tempatan 1976
- 3.10 Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Port Dickson) 2008
- 3.11 Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (MPPD) 2010
- 3.12 Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak (Makanan, Barang dan Perkhidmatan) di PBT



## GARIS PANDUAN PELESENAN TRAK MAKANAN DAN MINUMAN (*FOOD TRUCK*) MPPD

### 4. DEFINISI TRAK MAKANAN DAN MINUMAN

#### 4.1 Trak Makanan dan Minuman (*Food Truck*)

Apa-apa kenderaan yang dipandu sendiri (*food truck/pickup*) atau ditunda (*caravan* dan *moving cart*) yang digunakan untuk tujuan perniagaan makanan dan minuman dan mendapat kebenaran MPPD.

#### 4.2 Makanan dan Minuman

- i. Sebarang jenis makanan (sejuk beku atau *pre packaged food* atau makanan yang dipanaskan atau makanan yang disediakan secara berpusat di *central kitchen*) dan minuman yang diluluskan oleh MPPD dan mesti disediakan di atas trak.
- ii. Jualan minuman beralkohol adalah tidak dibenarkan.

### 5. PERANCANGAN TAPAK PERNIAGAAN TRAK MAKANAN DAN MINUMAN

#### 5.1 Kriteria penetapan lokasi aktiviti adalah seperti berikut:

- i. Petak letak kereta sedia ada yang dikhaskan sebagai tapak perniagaan trak makanan dan minuman (*food truck*) yang diluluskan oleh MPPD.
- ii. Lokasi di dalam kawasan perumahan berstrata, pejabat-pejabat kerajaan dan persendirian, perlu mendapat kebenaran pemilik sebelum permohonan dikemukakan kepada MPPD.
- iii. Tidak mengganggu aliran trafik dan lalu lintas;

#### 5.2 Kawasan larangan perniagaan trak makanan dan minuman (*food truck*):

- i. Berada dalam lingkungan 40 meter dari jalan masuk/keluar atau kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, pasar awam atau kawasan penjaja.
- ii. Berada dalam lingkungan 15 meter dari simpang jalan utama dan berhampiran lampu isyarat.
- iii. Lingkungan 3 meter dari pili bomba dan lain-lain utiliti.
- iv. Kawasan kemudahan OKU (Petak Letak Kenderaan OKU dan lain-lain).
- v. Di sekitar stesen pengangkutan awam.
- vi. Di atas kaki lima atau tempat lapang awam yang berturap melainkan dengan kebenaran serta mendapat kelulusan dari MPPD.
- vii. Lingkungan 9 meter dari simpang jalan masuk.



## GARIS PANDUAN PELESENAN TRAK MAKANAN DAN MINUMAN (*FOOD TRUCK*) MPPD

### 6. KEPERLUAN MINIMUM REKABENTUK KENDERAAN

- 6.1 Susun atur reka bentuk kenderaan trak makanan dan minuman (*food truck*) hendaklah mengambil kira aliran kerja yang mengambil kira keselamatan bagi meminimumkan risiko pencemaran. Proses-proses pengendalian makanan tertentu hendaklah diasingkan seperti berikut:
- i. Tempat mencuci tangan
  - ii. Tempat membasuh (sinki berkembar)
  - iii. Kawasan penyediaan makanan
  - iv. Fasiliti memasak
  - v. Mempunyai tangki simpanan air bersih
  - vi. Mempunyai tangki simpanan air kotor
  - vii. Mempunyai perangkap minyak
  - viii. Mempunyai kipas ekzos
  - ix. Ruang pengudaraan yang mencukupi
  - x. Kadar pencahayaan yang mencukupi
  - xi. Lantai kenderaan hendaklah dibuat daripada material tahan lasak tidak licin, tahan karat, mudah dicuci dan boleh menampung operasi kerja berat sesuai dengan aktiviti memasak.
  - xii. Alat pemadam api

### 6.2 LOKASI DAN WAKTU PERNIAGAAN

- i. Senarai lokasi dan waktu perniagaan adalah seperti di Lampiran 1 dan boleh dipinda dari semasa ke semasa.
- ii. Pemohon dibenarkan untuk memilih 1 lokasi sahaja untuk menjalankan perniagaan trak makanan dan minuman (*food truck*).

### 7. PERMOHONAN LESEN TRAK MAKANAN DAN MINUMAN (*FOOD TRUCK*)

- 7.1 Permohonan lesen adalah secara manual iaitu dengan mengisi lengkap **Borang Permohonan Lesen Penjaja Bergerak (MPPD-P(JPL)-03/03)**,
- 7.2 Borang Permohonan Lesen Penjaja boleh didapati melalui :
- i. Laman sesawang MPPD di <http://www.mppd.gov.my> atau
  - ii. Di Kaunter Jabatan Pelesenan, MPPD Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson.



## GARIS PANDUAN PELESENAN TRAK MAKANAN DAN MINUMAN (*FOOD TRUCK*) MPPD

### 8. PROSES PERMOHONAN LESEN TRAK MAKANAN DAN MINUMAN (*FOOD TRUCK*)

- 8.1 Syarat asas permohonan adalah pemohon hendaklah warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas. Pemohon bukan warganegara adalah tidak dibenarkan memohon.
- 8.2 Pemohon perlu mengisi dan melengkapkan **Borang Permohonan Lesen Penjaja Bergerak (MPPD-P(JPL)-03/03)**.
- 8.3 Pemohon hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Pelesenan Trak Makanan dan Minuman (*Food Truck*) MPPD bagi mendapatkan panduan lokasi yang dibenarkan untuk membuat permohonan lesen.
- 8.4 Setelah borang lengkap diisi, borang hendaklah dihantar ke Kaunter Jabatan Pelesenan, MPPD Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson untuk semakan borang permohonan dan dokumen sokongan bagi tujuan pendaftaran permohonan. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diterima dan didaftarkan dan pemohon perlu membayar wang proses sebanyak RM20.00.
- 8.5 Pegawai teknikal akan membuat semakan tapak dan akan menyediakan laporan ulasan untuk dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPPD.
- 8.6 Surat pemakluman akan dikeluarkan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MPPD dan akan dihantar kepada pemohon melalui pos biasa.
- 8.7 Pemohon perlu hadir ke Kaunter Jabatan Pelesenan, MPPD Tingkat 2, Terminal Bas Port Dickson setelah mendapat surat pemakluman bagi tujuan proses pembayaran serta pengeluaran lesen perniagaan MPPD.

### 9. DOKUMEN SOKONGAN PERMOHONAN LESEN PENJAJA

#### 9.1 Dokumen Asas

BIL.	DOKUMEN
1.	Salinan Kad Pengenalan
2.	Pendaftaran Perniagaan
3.	Pelan lokasi / tapak (maksimum 3 lokasi bagi 1 permohonan)
4.	Gambar lokasi / tapak perniagaan
5.	Lesen memandu (pemohon)
6.	Geran kenderaan (Pengesahan kenderaan perdagangan dari JPJ)
7.	Cukai jalan kenderaan terkini
8.	Sijil kelulusan PUSPAKOM yang masih sah tempoh (salinan pelan



## GARIS PANDUAN PELESENAN TRAK MAKANAN DAN MINUMAN (FOOD TRUCK) MPPD

	badan kenderaan yang telah diluluskan oleh JPJ)
9.	Gambar kenderaan dari pandangan hadapan, dalam, sisi dan belakang (yang berwarna)
10.	Surat Kebenaran Menggunakan Kenderaan (jika bukan kenderaan pemohon)
11	Bagi penjaja makanan/minuman : i. Salinan Buku Suntikan ii. Salinan Sijil Kursus Pengendali Makanan

### 10. PIAGAM PELANGGAN

Lesen penjaja akan dikeluarkan dalam tempoh 30 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima.

### 11. SYARAT-SYARAT LESEN/PERMIT TRAK MAKANAN DAN MINUMAN

- i. Lesen/Permit dikeluarkan oleh majlis berdasarkan kepada satu lesen bagi satu kenderaan bagi satu jenis perniagaan. Tambahan jenis perniagaan adalah tertakluk kepada kelulusan majlis.
- ii. Lesen/permit yang telah dikeluarkan oleh Majlis adalah mengikut lokasi perniagaan yang telah diluluskan.
- iii. Perniagaan hendaklah dijalankan oleh pemegang lesen/permit sendiri.
- iv. Sublet atau menyewakan lesen kepada pihak ketiga adalah tidak dibenarkan.
- v. Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur kekal/kanopi di tapak perniagaan kecuali dengan kebenaran Majlis.
- vi. Pemegang lesen/permit hendaklah sentiasa mempamerkan permit yang boleh dilihat dengan jelas oleh pegawai majlis dan pelanggan.
- vii. Kelulusan hanyalah untuk kenderaan yang didaftarkan sahaja dan tidak boleh dipindah milik untuk kenderaan lain.
- viii. Permohonan permit hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum permit tamat beserta dengan surat pemeriksaan PUSPAKOM yang masih sah semasa pembaharuan.
- ix. Lesen/Permit hanya diberikan kepada warganegara Malaysia dan keutamaan akan diberikan kepada yang bermaustatin tetap di Negeri Sembilan sahaja.
- x. Pembantu/pekerja warga asing adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- xi. Pemasangan kerusi dan meja untuk pelanggan adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali dengan kebenaran Majlis.

### 12. TANGGUNGJAWAB KEBERSIHAN

- i. Tidak membuat pencucian di tapak menggunakan bekas basuhan dan membuang air limbah di kawasan lapang/longkang awam berdekatan.
- ii. Sampah perniagaan hendaklah dilupuskan sendiri oleh pihak pelesen dan tidak dibenarkan untuk membuang di tong sampah awam.
- iii. Peniaga hendaklah memastikan kawasan perniagaan sentiasa bersih dan bebas dari sampah.



## GARIS PANDUAN PELESENAN TRAK MAKANAN DAN MINUMAN (FOOD TRUCK) MPPD

- iv. Peniaga hendaklah memastikan kawasan perniagaan tidak menganggu lalulintas hingga menimbulkan kacauganggu.
  
- v. Majlis tidak bertanggungjawab ke atas sebarang bentuk kemalangan/kecederaan/kecurian yang berlaku semasa aktiviti perniagaan dijalankan.
- xii. Peniaga perlu mematuhi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan dan garis panduan sedia ada. Majlis berhak untuk membatalkan lesen/permit sekiranya pemegang lesen melakukan apa-apa kesalahan dan pelanggaran syarat.

### 12. KADAR BAYARAN LESEN

Kadar bayaran lesen trak makanan dan minuman adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI	KADAR LESEN YANG DIKENAKAN
1.	Lesen Sementara Trak Makanan dan Minuman	RM30.00/sebulan
2.	Permit letak kerusi/meja di luar premis (restoran) - 1 unit meja dan 4 unit kerusi	RM10.00/sebulan


### 13. TEMPOH SAH LAKU LESEN PENJAJA

Tempoh sah laku lesen penjaja bergerak adalah secara sementara dengan tempoh 9 bulan. Pelesen hendaklah mengemukakan surat lanjutan tempoh lesen sementara tersebut sekiranya ingin beroperasi.



## GARIS PANDUAN PELESENAN TRAK MAKANAN DAN MINUMAN (FOOD TRUCK) MPPD

### 14. CARTA ALIR PERMOHONAN





## GARIS PANDUAN PELESENAN TRAK MAKANAN DAN MINUMAN (FOOD TRUCK) MPPD

### LAMPIRAN 1

BIL	LOKASI PUSAT PENJAJA TRAK MAKANAN DAN MINUMAN (FOOD TRUCK) MPPD	JUMLAH PETAK	WAKTU PERNIAGAAN
1.	TLK Pusat Perniagaan Lukut Utama	4	Selepas jam 5.00 petang
2.	TLK Pantai Seaview, Tanjung Gemuk	5	6.00 pagi - 12.00 tengah malam
3.	Parkir Bas Jalan Mahajaya PD	4	Selepas jam 5.00 petang
4.	Batu 1, Jalan Pantai	5	6.00 pagi - 12.00 tengah malam
5.	TLK Pantai Bagan Pinang	5	6.00 pagi - 12.00 tengah malam
6.	TLK berdekatan Dataran Sri Kemang	5	6.00 pagi - 12.00 tengah malam
<b>JUMLAH PETAK DISEDIAKAN</b>		<b>28</b>	

*Nota: 1 permohonan 1 lokasi sahaja dibenarkan*